

NO. SEBUT HARGA : JLWT/2025/AA/02**PELUPUSAN KAPAL WREK TG 9898 (TAWARAN SEMULA)****KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH****Kementerian/Jabatan:**

**JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TIMUR
JALAN HILIRAN
20300 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	JENIS : TONGKANG DENGAN KREN PANJANG (L.O.A) : 31.7 m LEBAR (B) : 10.7 m DALAM (D) : 2.0 m TAHUN DIBINA : 2008 BAHAN BINAAN : BESI BADAN KAPAL : MUARA SUNGAI TERENGGANU LOKASI KAPAL : LAT 05 20' 37.193" U KOORDINAT : LONG 103 8' 49.182" T	TG 9898	1	RM 19,300.00

2. Penyebut harga yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut sama ada;
- Berhubung terus dengan pegawai-pegawai sebagaimana berikut;
 - Encik Abdul Jalil Bin Shayuki - Pejabat Laut Kuala Terengganu
 - Encik Husnul Ariff Bin Mohd - Bahagian Operasi Maritim
 No. Telefon : 09-6221471; atau
 - Hadir ke lokasi tongkang TG9898 di muara Sungai Kuala Terengganu (berhampiran breakwater - rujuk panduan peta dilampirkan) untuk melihat aset mengikut kesesuaian masa tuan/puan.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga **JLWT/2025/AA/02** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**PENGARAH LAUT WILAYAH
JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TIMUR
JALAN HILIRAN
20300 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **22 September 2025 (Isnin)** jam 12.00 tengahari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur
Jalan Hiliran
20300 Kuala Terengganu
Terengganu

Tarikh : 9 September 2025

Cop:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-TERENGGANU-T**.
3. Bayaran Deposit Tender secara tunai, cek persendirian atau cek syarikat **tidak akan diterima**. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Deposit sebut harga bagi penyebut harga yang tidak berjaya akan dikembalikan setelah tawaran sebut harga itu disetujui terima oleh penyebut harga yang berjaya atau selepas tamatnya tarikh sah laku penyebut harga. Deposit bagi penyebut harga yang berjaya akan dikembalikan selepas kerja-kerja pengalihan dan pelupusan selesai dilaksanakan dan disahkan oleh pihak Jabatan Laut.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (***as-is-where-is basis***).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua kos berkaitan kerja-kerja mengalih dan lupus serta lain-lain kerja yang berkaitan seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut harga perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Wrek dilupuskan secara keseluruhan (*total removal*), tiada sisa wreck yang ditinggalkan di tapak kerja;
 - ii. Membuat permohonan rasmi kepada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur sebelum kerja-kerja pelupusan wreck dimulakan;
 - iii. Mengemukakan laporan kemajuan kerja secara mingguan beserta gambar kepada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur;
 - iv. Memastikan keselamatan pekerja di tapak seperti menyediakan PPE dan kordon kawasan yang sempurna;
 - v. Mengambil apa jua langkah-langkah yang perlu dan bersesuaian untuk memastikan tiada pencemaran berlaku yang berpunca daripada wreck, kapal-kapal salvej yang akan digunakan atau kecuai kakitangan ketika kerja-kerja pelupusan berjalan seperti melantik pihak ketiga untuk membantu jika berlaku tumpahan minyak;
 - vi. Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur tidak akan menanggung apa jua kerugian, kos berbangkit, liabiliti jika berlaku sebarang kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian disebabkan oleh kerja-kerja ini;
 - vii. Mengemukakan Prosedur Operasi Standard (POS) dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) sebelum kerja-kerja dimulakan;

- viii. Mendapatkan kebenaran/permit daripada Agensi/Jabatan/Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, DOSH, LAUT, JPS dan sebagainya, bagi tujuan/kaedah pelupusan, logistik dan tapak pendaratan besi buruk;
 - ix. Melupuskan besi buruk di lokasi/syarikat yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan
 - x. Penyebut harga perlu menyelesaikan kerja-kerja pelupusan wreck ini dalam tempoh 90 hari dari tarikh masuk tapak kerja.
10. Penyebut harga juga perlu mengemukakan **Method of Statement** yang juga mengandungi perkara sebagaimana berikut;
- i. Profil Syarikat;
 - ii. Kepakaran (expertise);
 - iii. Tempoh masa;
 - iv. Aset dan peralatan (boat/crane/capacity/asset/machinery);
 - v. Pengalaman;
 - vi. Keupayaan kewangan (Tiga bulan terakhir pernyataan bank);
 - vii. Pelan tindakan kecemasan (ERP) dan Standard of Procedure (SOP);
 - viii. Jadual perancangan kerja / timeline beserta peratusan;
 - ix. Person In Charge (PIC) dan carta organisasi;
 - x. Kaedah kerja (method of work) bagi kerja-kerja salvaj wreck tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.

LOKASI TONGKANG TG9898

Muara Sungai Kuala Terengganu (berhampiran breakwater)

